



Bringing the future  
of technology to life



05/2022 ms

[exyte.net](http://exyte.net)



# Code of Conduct





# Code of Conduct

## Kandungan

	Mesej daripada Lembaga Eksekutif	4			
01	Pematuhan adalah tanggungjawab anda	6	05	Memastikan semakan semula yang bebas	18
02	Mencegah sogokan dan rasuah	8	06	Mengekalkan rekod kewangan yang tepat dan telus	19
2.1	Berurusan dengan rakan niaga	10	07	Mengendalikan aset syarikat dengan baik	20
2.2	Berurusan dengan pegawai awam	13	7.1	Perlindungan aset	20
2.3	Melantik ejen dan perunding	14	7.2	Perlindungan maklumat sulit	21
2.4	Peraturan untuk sumbangan dan tajaan	15	08	Larangan perdagangan orang dalam	22
03	Bersaing pada terma yang adil	16	09	Kepelbagaian dan kewajaran tenaga kerja	23
04	Mencegah konflik kepentingan	17	10	Melaksanakan Code of Conduct Exyte Maklumat untuk dihubungi	24 27

## Mesej >> daripada Lembaga Eksekutif

### Rakan perniagaan yang dihormati,

Dasar korporat kami mendukung tatalaku perniagaan yang mengikut standard etika, moral dan perundangan yang paling tinggi dalam keseluruhan bidang perniagaan. Ini bermaksud, pertama sekali, bahawa kami mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang dikenakan, walaupun dengan pematuhan berkenaan bermaksud kami tidak akan memenangi suatu projek penting atau pun kehilangan sasaran perniagaan.

Walau bagaimanapun, Pematuhan di Exyte pergi lebih jauh daripada itu. Kami bertindak dengan penuh integriti dan menghormati rakan niaga dan rakan sekerja. Di Exyte, kami dengan jelasnya tidak berminat dalam peningkatan hasil dan keuntungan jika perlu mengorbankan kejujuran dan kewajaran dalam berurusan. Kami, ahli Lembaga Eksekutif Exyte, menetapkan standard tertinggi untuk tatalaku kami sendiri dan kami mengharapkan perkara yang sama daripada setiap seorang pekerja Exyte.

Kami sedar bahawa globalisasi dan persekitaran kawal selia yang semakin kompleks, membuatkan Pematuhan itu semakin mencabar. Untuk menangani cabaran tersebut, Code of Conduct menyediakan panduan yang praktikal untuk perniagaan harian anda.

Code of Conduct Exyte bukan suatu dasar semata-mata. Code of Conduct tersebut merupakan asas dan tanda aras untuk semua tatalaku perniagaan kami. Perlu diingatkan bahawa dengan satu kes ketidakpatuhan Code of Conduct boleh membawa kepada akibat yang serius dan mungkin menjejaskan reputasi baik yang telah diperolehi oleh Kumpulan Exyte di pasaran. Kepercayaan oleh pelanggan, pembekal dan pihak yang berkepentingan yang lain terhadap syarikat kami merupakan aset yang paling bernilai. Melindungi aset ini merupakan tanggungjawab yang dikongsi bersama, tanpa mengira kedudukan kami di dalam syarikat.



Saya dan ahli lembaga yang lain, berharap agar anda memahami Code of Conduct Exyte tersebut dan mengamalkannya. Kami menggalakkan anda untuk bersuara dan bertindak apabila diperlukan. Sekiranya anda menyaksikan salah laku atau berasa ragu-ragu, sila hubungi Exyte Compliance Team.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "W. Büchele".

Stuttgart, 18.05.2022  
Dr. Wolfgang Büchele  
bagi pihak Lembaga Eksekutif

## Executive Board



Dr. Wolfgang Büchele  
Chief Executive Officer



Peter Schönhofer  
Chief Financial Officer

# 01 | Pematuhan adalah tanggungjawab anda

**Code of Conduct Exyte mendefinisikan dan meringkaskan standard Pematuhan untuk undang-undang serta tatalaku etika bagi Kumpulan Exyte.**

Tatalaku ini menentukan cara kita berinteraksi dan bekerja di Exyte, dan menyediakan asas untuk perhubungan dengan pihak ketiga seperti pelanggan, pembekal dan perunding. Code of Conduct Exyte boleh diguna pakai untuk semua entiti undang-undang, pejabat dan tapak, dan mengikat secara langsung semua pekerja, pengarah serta pegawai. Exyte juga akan berusaha mempengaruhi dan menggalakkan subkontraktor serta pembekal untuk menerima pakai standard kita.

Semua kakitangan Exyte mesti memahami dan mematuhi Code of Conduct Exyte serta mesti menerapkannya dalam urusan perniagaan harian. Jika anda tidak pasti cara untuk mentafsirkan undang-undang atau Code of Conduct Exyte, anda wajar merujuk dan bertanya dengan Exyte Compliance Team ([ethics@exyte.net](mailto:ethics@exyte.net)).

Jika anda menyaksikan perkara salah laku atau jika anda percaya bahawa berlaku sesuatu yang tidak betul atau tidak sesuai, sila hubungi Exyte Compliance Team melalui [ethics@exyte.net](mailto:ethics@exyte.net). Semua laporan yang dibuat dengan suci hati dan akan dikendalikan dengan kerahsiaan yang paling ketat. Tindakan akan diambil jika berlaku sebarang pemangsaan, gangguan atau mana-mana layanan buruk kepada orang yang membuat laporan. Jika anda lebih suka untuk membuat laporan awanama, sila gunakan Talian Etika Kumpulan Exyte yang dikendalikan secara bebas oleh penyedia pihak ketiga (sila dapatkan maklumat lebih lanjut dalam laman web Exyte atau dalam intranet di bawah tajuk "Pematuhan").

Exyte tidak akan bertolak ansur terhadap sebarang pelanggaran undang-undang atau Code of Conduct Exyte, dan akan mengambil tindakan berkenaan hal tersebut kerana Exyte berpendapat bahawa adalah sesuai untuk menguatkuasakan Code of Conduct kami secara ketat (termasuklah tetapi tidak terhad pada tindakan sivil, pendakwaan jenayah dan tindakan tatatertib).

Bertindak dengan mematuhi Code of Conduct merupakan tindakan yang » **betul**.  
**Di mana-mana sahaja. Untuk semua orang.**



**Speak Up!** [ethics@exyte.net](mailto:ethics@exyte.net)  
It's the right way.

# 02 | Mencegah sogokan dan rasuah

Exyte berpegang teguh menentang rasuah dan kami menjangkakan perkara yang sama terhadap rakan-rakan niaga kami. Kami tidak memberi rasuah – kepada sesiapa - mahupun di mana mana.

Pekerja Exyte atau sesiapa yang mewakili pihak Exyte tidak boleh menawarkan, membuat perjanjian atau memberi, meminta atau menerima, secara langsung atau tidak langsung, apa apa yang mempunyai nilai kepada atau dari pekerja, pegawai atau agen rakan niaga atau pegawai kerajaan.

Tanggungjawab kita ialah untuk memastikan bahawa penyediaan atau penerimaan sebarang kelebihan mestilah bersesuaian dan mematuhi undang undang and polisi Exyte. Jika ada sebarang keraguan, anda mestilah menghubungi Exyte Compliance Team.

**Rasuah** adalah dilarang di Exyte.  
» Kita tidak memberi rasuah  
Kita tidak bertolak ansur dengan rasuah



Sekiranya kita boleh menjalankan perniagaan hanya dengan menyalahi undang-undang, maka terdapat sesuatu yang silap dengan model perniagaan kita.

---

CEO Dr. W. Büchele



## 2.1 Berurusan dengan rakan niaga

Kemesraan di kalangan rakan niaga dan kesalahan jenayah terpisah oleh satu garisan yang amat kabur, dan kadangkala sukar untuk membezakan antara kedua-duanya. Pemberian sebotol wain pada hari Krismas atau undangan ke acara sukan mungkin merupakan sifat mesra untuk membina hubungan yang baik dengan rakan niaga. Walau bagaimanapun, hadiah dan undangan boleh dianggap sebagai usaha untuk mempengaruhi rakan niaga, terutamanya dalam konteks keputusan perniagaan. Untuk melindungi pekerja dan syarikat, kami secara umumnya akan menerapkan pendekatan yang berhati-hati tetapi munasabah berkaitan hadiah dan layanan baik. Namun begitu, sebarang hadiah berbentuk tunai, sama ada menerima atau memberi adalah dilarang sama sekali di Exyte.

### Penawaran hadiah, layanan baik dan manfaat yang lain

Sudah diketahui umum bahawa penawaran manfaat kepada pegawai awam adalah menyalahi undang-undang. Ini termasuk kepada rakan niaga dalam kebanyakan bidang kuasa yang mungkin tidak diketahui umum. Tambahan pula, adakalanya pemberian hadiah boleh diterima di negara tertentu tetapi boleh dianggap sebagai rasuah di negara lain. Disebabkan ketidakpastian ini, biasanya kita menahan diri dari memberikan hadiah atau jemputan kepada rakan niaga. Dalam kes istimewa, hadiah, jemputan atau manfaat yang mempunyai nilai berpatutan dan bersesuaian dalam situasi tertentu adalah dibenarkan.

Untuk penyediaan panduan urusan kerja seharian, Exyte Anti-Bribery and Corruption Policy ditakrifkan sebagai had untuk pemberian hadiah dan penubuhan rangka kerja untuk jemputan.

Hadiah dibawah had boleh diberikan sebagai tanda ingatan jika ia tidak boleh bertujuan untuk mempengaruhi penerima.

Jika terdapat sebarang keraguan, anda mesti merujuk dan bertanya dengan Exyte Compliance Team.

Tiada had tetap yang ditentukan untuk layanan baik korporat. Anda boleh mengundang rakan niaga ke acara yang mempunyai tujuan sesuai dan wajar, kekerapan dan kos, sebelum mendapat kelulusan Exyte Compliance Team. Jamuan makan untuk tujuan perniagaan yang memenuhi kriteria yang disebutkan di atas, tidak memerlukan kelulusan terlebih dahulu.

Perlu diingatkan bahawa rakan niaga mungkin akan dikenakan peraturan yang lebih ketat. Oleh itu, anda mesti memeriksa Code of Conduct mereka sebelum memberi apa apa hadiah atau jempunan.



Kami **meyakinkan** pelanggan kami **dengan** kualiti perkhidmatan **»dan** produk **kami** yang **terbaik**. Kami tidak perlu menawarkan apa-apa untuk meyakinkan mereka.

## Menerima hadiah, layanan baik dan manfaat yang lain

Di Exyte, rakan niaga dipilih menurut kriteria yang objektif semata-mata, seperti kualiti, prestasi atau penentuan harga. Untuk mengelakkan risiko atau tanggapan bahawa keputusan perniagaan kami boleh dipengaruhi, secara prinsipnya, kami tidak menerima pemberian atau hadiah. Pekerja Exyte adalah dilarang sama sekali untuk memohon atau menuntut, malah, menunjukkan minat dalam apa-apa bentuk manfaat daripada rakan niaga sedia ada atau rakan niaga yang berpotensi.

Anda boleh menerima pemberian yang bernilai kecil kerana tiada sesiapa yang akan menganggap keputusan perniagaan kita boleh dipengaruhi oleh mereka. Pemberian yang bernilai lebih tinggi mesti ditolak atau dikembalikan jika nilai tersebut melebihi had yang ditetapkan dalam Exyte Anti-Bribery and Corruption Policy. Jika hal ini adalah sukar disebabkan tujuan perniagaan atau kebudayaan, Exyte Compliance Team akan membantu anda mendapatkan pendekatan yang betul, agar perhubungan perniagaan kekal terpelihara.

Undangan untuk jamuan makan dan acara hanya boleh diterima jika berkaitan secara langsung dengan perniagaan kami, dan sekiranya jamuan makan atau acara tersebut adalah sesuai serta wajar dari segi tujuan, kekerapan dan kos. Namun, kos perjalanan atau penginapan untuk menghadiri jamuan makan atau acara tersebut mesti sentiasa ditanggung oleh Exyte. Undangan ke acara hanya boleh diterima selepas mendapat kelulusan daripada Exyte Compliance Team terlebih dahulu. Jamuan makan untuk tujuan perniagaan yang memenuhi kriteria yang disebutkan di atas, tidak memerlukan kelulusan terlebih dahulu.

**Kami tidak menerima hadiah daripada rakan niaga untuk » mengelakkan tanggapan bahawa keputusan perniagaan kami mungkin dipengaruhi.**

## 2.2 Berurusan dengan pegawai awam

Risiko untuk melanggar undang-undang rasuah dan sogokan adalah sangat tinggi apabila berurusan dengan pegawai awam. Oleh yang demikian, memberi atau menawarkan apa-apa sahaja kepada pegawai awam adalah dilarang sama sekali, bagi mengelakkan risiko atau mengelakkan tanggapan mengenai pengaruh yang tidak wajar.

Di kebanyakan negara, pegawai awam bukan sahaja merujuk pegawai kerajaan, tetapi juga eksekutif untuk syarikat milik negeri, syarikat swasta yang mempunyai fungsi awam (contohnya pembekal tenaga) atau pegawai dan pekerja organisasi antarabangsa awam. Anda mesti sentiasa merujuk dan bertanya dengan ahli Exyte Compliance Team sebelum memberikan apa-apa kepada individu yang berpotensi sebagai pegawai awam.



Apabila **berurusan dengan pegawai awam** dan individu yang mungkin layak sebagai pegawai awam,  
» **sentiasa merujuk dan bertanya dengan Exyte Compliance Team.**

## 2.3 Melantik ejen dan perunding

Untuk mengelakkan rasuah dari dilakukan oleh perunding atau ejen, Exyte Consultancy Policy menetapkan larangan umum terhadap perunding yang terlibat dengan rasuah untuk memenangi projek atau perniagaan. Selain itu, polisi ini menyediakan kerangka kerja yang kukuh untuk pemerolehan perkhidmatan perundingan yang telus dari semua pihak.

Penggunaan perantara untuk memperoleh perniagaan atau memasuki pasaran baru terbukti sangat terdedah terhadap penyalahgunaan. Keberkesanan perkhidmatan perundingan tersebut biasanya sukar diukur, dan margin biasanya tidak telus, boleh melibatkan dana yang mungkin disalahgunakan untuk rasuah. Atas sebab ini, pelantikan perunding untuk mengembangkan atau memenangi projek atau perniagaan adalah dilarang di Exyte. Larangan am ini diguna pakai tanpa mengira ukuran projek, skim saraan atau keadaan lain.

Sebagai prinsip umum, kami bertujuan untuk menghadkan penggunaan perunding. Perkhidmatan perunding hanya dalam kes-kes yang tertentu dan kepatuhan ketat berdasarkan Exyte Consultancy Policy. Kami melibatkan perunding hanya dalam kes-kes yang luar biasa dan sentiasa tertakluk kepada pematuhan ketat dengan Exyte Consultancy Policy.

**Kami tidak » menggunakan ejen atau perunding untuk melakukan sesuatu yang kami sendiri tidak dibenarkan untuk melakukan perkara tersebut.**

## 2.4 Peraturan untuk sumbangan dan tajaan

Sebagai warga korporat yang prihatin, Exyte menyokong organisasi amal dan bukan untung serta inisiatif dalam komuniti kami. Semua sumbangan kepada organisasi dan inisiatif berkenaan mesti diluluskan mengikut dasar Exyte yang dikenakan.

Walaupun sumbangan itu bertujuan untuk kebajikan, sumbangan tersebut boleh menjadi suatu bentuk rasuah. Untuk mengelakkan sebarang risiko atau tanggapan bahawa terdapat pengaruh yang tidak wajar pada pihak penerima, sumbangan dan tajaan tidak boleh bersangkut dengan perniagaan kami.

Kami tidak **» mencampurkan**  
antara kerja amal **dengan**  
**perniagaan.**

# 03 | Bersaing pada terma yang adil

Di Exyte, kami percaya dalam persaingan yang wajar, sah di sisi undang-undang dan terbuka. Kejayaan Exyte bergantung pada pekerja kami, kualiti perkhidmatan dan produk yang hebat, serta fokus kami terhadap pelanggan. Kami akan sentiasa berpegang teguh pada undang-undang persaingan dan tidak akan merisikokan kepercayaan pelanggan kami dengan amalan bersubahat atau bekerjasama secara sulit dengan pesaing.

Kami tidak memasuki sebarang perjanjian antipersaingan dengan pihak ketiga berkaitan dengan harga atau syarat komersial dan strategi yang lain, contohnya, dengan mengaturkan tindakan kami dalam tender atau bersubahat dalam penetapan harga dengan pihak pesaing. Perkara ini bukan sahaja diaplikasikan pada perjanjian formal, tetapi pada mana-mana jenis urusan tidak formal juga, yang mungkin akan mengehendak persaingan. Sila ambil perhatian bahawa sedikit sahaja pertukaran data yang berkaitan secara komersial dalam kalangan pesaing adalah dilarang sama sekali, dan malah, penerimaan atau

pendedahan maklumat boleh menjadi pelanggaran undang-undang persaingan, walaupun tiada niat untuk antipersaingan.

Kami berharap agar pesaing kami turut melakukan perkara yang sama. Jika salah satu pesaing kami bertemu anda untuk berbincang tentang data yang sensitif secara komersial atau melakukan urusan yang mungkin memberi kesan pada harga atau syarat terhadap rakan niaga kami, anda mesti menolak dengan jelas untuk terlibat dalam perbincangan atau urusan tersebut dan melaporkan dengan segera kejadian tersebut kepada ahli Exyte Compliance Team.

**Kami menentukan syarat dan strategi perniagaan kami, >> bebas daripada pesaing kami.**



# 04 | Mencegah konflik kepentingan

**Keputusan perniagaan kami dilakukan secara eksklusif berdasarkan pada asas kriteria yang objektif dan tidak akan dipengaruhi oleh kepentingan peribadi. Pekerja yang meletakkan kepentingan peribadi mereka mengatasi kepentingan syarikat, boleh merosakkan syarikat tersebut.**

Konflik kepentingan boleh timbul, contohnya, jika anda membeli barangan atau perkhidmatan bagi pihak Exyte dengan pembekal yang anda atau saudara anda mempunyai kepentingan kewangan. Ikatan kekeluargaan atau hubungan peribadi yang rapat antara pengurus pengendalian dengan pekerja bawahan, mungkin menyebabkan wujudnya keputusan kakitangan yang berat sebelah, oleh itu mestilah dielakkan. Pengambilan pekerja sekunder tidak boleh mengganggu tugas pekerja dan hanya dibenarkan selepas mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada pengurus yang bertanggungjawab, mengikut peraturan dan tatacara dalaman kami.

Untuk mengelakkan timbulnya konflik kepentingan, pekerja mesti mendedahkan potensi atau konflik sebenar kepada pengurus mereka atau HR Business Partners. Benarkan pihak lain membuat keputusan berkaitan dengan keadaan konflik kepentingan.

**Kami mencegah konflik kepentingan melalui  
» komunikasi yang telus dan terbuka.**

# 05 | Memastikan semakan semula yang bebas

Semua transaksi perniagaan dan keputusan penting mestilah tertakluk pada prinsip empat mata. Prinsip empat mata bermaksud penilaian dan kawalan bebas oleh dua orang pekerja yang dibenarkan terlibat dalam transaksi berkenaan. Prinsip empat mata ini menghendaki perhubungan luaran bertulis secara umumnya memerlukan dua tandatangan oleh penandatangani yang dibenarkan mengikut peraturan dalaman Exyte. Dalam situasi istimewa, tandatangan kedua boleh diabaikan jika pekerja yang diberikan kuasa yang seorang lagi itu bersetuju secara lisan. Persetujuan tersebut mesti disahkan secara bertulis. Penandatangani tunggal tersebut mesti memikul tanggungjawab dengan pematuhan tatacara ini.



Prinsip **empat mata ini** diaplikasikan pada  
» **semua transaksi perniagaan.**

# 06 | Mengekalkan rekod kewangan yang tepat dan telus

Perakaunan dan pelaporan kewangan yang betul merupakan prasyarat untuk kejayaan syarikat kami, dan merupakan asas untuk membina serta mengekalkan kepercayaan pihak yang berkepentingan serta rakan niaga. Tambahan lagi, dokumentasi atau rakan yang tidak wajar atau palsu adalah menyalahi undang-undang. Sebarang perkara yang tidak kena mungkin membawa akibat yang serius kepada syarikat dan juga kepada kakitangan yang bertanggungjawab untuk perkara yang tidak kena tersebut.

Ketepatan dan ketelusan merupakan perkara paling penting bagi pelaporan kewangan luaran kami. Kami menerbitkan penyata kewangan berkala kami tepat pada masa, mengikut peraturan perakaunan antarabangsa dan negara.

Keperluan untuk mengekalkan rekod kewangan yang tepat dan telus bukan sahaja berkaitan dengan penyata kewangan luaran dan tanggungjawab pelaporan, tetapi juga bagi semua data kewangan yang membentuk asas akaun kewangan Exyte. Oleh itu, setiap ahli pasukan projek bertanggungjawab untuk menjaga, bagi memastikan bahawa data komersial dan angka projek adalah tepat dan realistik.

**Kami bertanggungjawab untuk  
» mengekalkan integriti  
akaun kewangan kami.**

# 07 | Mengendalikan aset syarikat dengan baik

## 7.1 Perlindungan aset

Exyte akan menyediakan semua peralatan dan perkakasan yang perlu untuk anda menjalankan tugas anda. Anda bertanggungjawab untuk melindungi aset ketara, harta intelektual dan maklumat Exyte daripada kerosakan, kehilangan, kompromi dan salah guna.

Maklumat peribadi merupakan aset yang memerlukan perhatian khusus dan perlindungan, oleh syarikat serta semua pekerja. Exyte melaksanakan langkah-langkah teknikal dan organisasi, untuk memastikan perlindungan yang sesuai bagi maklumat peribadi, dan semua ahli Kumpulan Exyte diharapkan dapat melaksanakan langkah-langkah ini.

Anda hanya boleh menggunakan aset syarikat untuk tujuan persendirian jika dibenarkan dengan jelas, sama ada dalam peraturan dalaman kami atau oleh kakitangan yang diberikan kuasa. Harta dan aset rakan niaga hendaklah dikendalikan dengan cara yang sama dan dengan penjagaan yang sama.

**Kami » menggunakan aset syarikat untuk tujuan perniagaan sahaja dan mengendalikan aset tersebut dengan baik.**

## 7.2 Perlindungan maklumat sulit

Pengetahuan dan kepakaran merupakan kunci kejayaan Exyte. Oleh yang demikian, perlindungan rahsia perdagangan Exyte dan maklumat sulit yang lain adalah amat penting untuk masa depan syarikat kami. Penjagaan dan perhatian yang serupa mesti dilaksanakan berkaitan dengan data yang disediakan oleh rakan niaga kami dalam sesebuah projek atau sebelum kami dianugerahi projek tersebut. Semua maklumat sulit, sama ada milik Exyte atau milik rakan niaga kami, mesti dikendalikan dengan penuh tanggungjawab. Tandakan maklumat sulit, simpan dengan selamat dan hadkan akses hanya kepada yang perlu mengetahui tentang maklumat itu. Anda tidak boleh mendedahkan sebarang maklumat sulit yang diperoleh semasa anda bekerja sehinggalah maklumat berkenaan menjadi pengetahuan umum, sama ada semasa atau selepas pemberhentian kerja anda.

Kami mengambil langkah yang wajar  
» untuk melindungi maklumat sulit  
Exyte dan rakan niaga kami.



# 08 | Larangan perdagangan orang dalam

Sesiapa yang mempunyai akses pada maklumat sulit tentang syarikat yang tersenarai secara umum (contohnya pelanggan, subkontraktor atau Exyte sendiri) yang mana jika maklumat tersebut menjadi umum, boleh memberikan pengaruh besar dalam harga pasaran saham syarikat yang didagangkan secara umum, dan ini dianggap sebagai "Orang Dalam". Maklumat orang dalam mesti dikendalikan dengan penuh berhati-hati. Anda tidak boleh sama sekali menggunakan maklumat orang dalam untuk tujuan perdagangan peribadi anda sendiri atau memberikan nasihat atau tip kepada orang lain dalam perdagangan mereka. Perdagangan orang dalam merupakan perbuatan yang melanggar undang-undang.



Kami menyedari tentang  
» **keperluan khusus dalam mengendalikan maklumat orang dalam.**

# 09 | Kepelebagaian dan kewajaran tenaga kerja

Kepelebagaian kebudayaan merupakan kekuatan yang mencipta kemakmuran dalam syarikat kami. Pengurusan kepelebagaian di Exyte bukan sahaja bermaksud bahawa semua keputusan pengambilan bekerja termasuk, contohnya keputusan berkaitan dengan pengambilan pekerja atau manfaat, adalah berdasarkan pada kelayakan individu, tanpa mengira bangsa, warna, agama, negara asal, jantina, umur, kecacatan fizikal, ketidakupayaan, orientasi seksual, atau mana-mana status yang lain, yang dilindungi oleh undang-undang. Ini juga bermaksud bahawa kami berbangga dengan pekerja kami, kami dapat memanfaatkan perbezaan mereka dan menyokong mereka secara individu.

Kepelebagaian bermaksud bahawa kami tidak melakukan diskriminasi, dan tambahan pula, kami tidak boleh menerima diskriminasi. Semua pekerja diminta untuk saling menghormati dan bersikap adil antara satu sama lain. Sebarang bentuk diskriminasi atau gangguan di tempat kerja tidak akan diterima. Sebarang kesalahan akan mengakibatkan tindakan disiplin diambil.

Kami berusaha untuk persekitaran tenaga kerja yang wajar dan mematuhi semua peraturan negara yang dikenakan berkaitan dengan tenaga kerja paksa atau tenaga kerja kanak-kanak serta gangaran yang wajar. Kami meminta semua pekerja untuk berhati-hati dan berwaspada dengan sebarang penunjuk yang tidak mematuhi undang-undang buruh dan mengawasi penunjuk tersebut dengan teliti.

Kami melihat kepelebagaian sebagai suatu kekuatan, » menyokong kewajaran dan menggalakkan kerjasama yang padu antara pekerja kami dan terhadap rakan niaga kami.

# 10 | Melaksanakan Code of Conduct Exyte

Semua kakitangan Kumpulan Exyte diharapkan dapat memahami Code of Conduct Exyte dan menerapkannya dalam kerja harian mereka. Ini termasuk mengambil bahagian dalam latihan pematuhan yang ditetapkan dan sentiasa mendapatkan nasihat daripada Exyte Compliance Team jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau ragu-ragu tentang tanggungjawab anda.

Pengurus diminta untuk memastikan pasukan mereka membiasakan diri dengan Code of Conduct tersebut dan menekankan kepentingan Pematuhan kepada pasukan mereka. Mereka juga dikehendaki untuk melaksanakan dan mengawasi proses yang diperlukan dan memenuhi tanggungjawab khusus mereka sebagai model peranan dalam mematuhi undang-undang yang terpakai dan Code of Conduct Exyte serta bertindak dengan penuh integriti.

Pematuhan dengan  
Code of Conduct exyte  
» **merupakan tanggungjawab  
peribadi** setiap seorang pekerja.



Semua » **pengurus**  
bertanggungjawab  
untuk memastikan  
**Pematuhan dalam bidang**  
**tanggungjawab mereka.**





### **Maklumat untuk dihubungi**

**Dr. Steffen Liebendörfer**

Vice President Compliance  
Exyte Management GmbH  
70376 Stuttgart  
Germany  
T +49 711 8804-1045  
Steffen.liebendoerfer@exyte.net

**Dr. Julia Melzer**

Compliance Manager  
Exyte Management GmbH  
70376 Stuttgart  
Germany  
T +49 711 8804-4119  
Julia.melzer@exyte.net